

Tempoh Monsun Barat Daya : Mei – September 2014 (kemaskini 16 Jun 2014)

1. Pendahuluan

Monsun Barat Daya yang dicirikan oleh angin permukaan yang bertiup secara tetap dari arah barat daya secara relatifnya adalah lebih kering berbanding musim lain. Semasa tempoh monsun barat daya, keadaan atmosfera secara relatifnya akan menjadi lebih stabil yang mana akan melambatkan proses pencampuran menegak (*vertical mixing*) atmosfera dan mengurangkan proses perolakan yang kuat. Pada ketika ini kebanyakan kawasan di negara akan mengalami lebih banyak hari tanpa hujan berbanding hari hujan. Keadaan ini biasanya akan membawa kepada cuaca yang kering.

Dalam fasa aktif Monsun Barat Daya, kebiasaannya terdapat pengurangan hujan keseluruhannya terutamanya di negeri-negeri pantai barat Semenanjung dan barat Sarawak berbanding dengan tempoh monsun peralihan iaitu lewat Mac, April dan awal Mei. Walau bagaimanapun kawasan persisiran pantai di negeri-negeri pantai barat Semenanjung iaitu Perlis, Kedah dan Pulau Pinang serta selatan Perak hingga ke barat Johor kadangkala akan mengalami ribut petir, hujan lebat serta angin langkisau yang kuat terutamanya pada waktu subuh dan awal pagi. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh pembentukan garis badai. Kejadian garis badai di Selat Melaka adalah yang dikenali sebagai "Sumatras".

Pada musim ini juga akan berlaku peningkatan aktiviti ribut tropika di barat laut Pasifik dan bahagian utara Laut China Selatan dan di Lautan Hindi. Pada peringkat puncak, ribut tropika akan bergerak menghala ke barat merentasi Filipina menuju ke arah Vietnam atau kawasan pantai selatan China. Jika kejadian ribut tropika berhampiran Malaysia, ia boleh menyebabkan kesan ekor (*tail effect*) akibat berlakunya pampunan udara yang mengakibatkan kejadian angin kencang dan hujan lebat di kawasan-kawasan yang berhampiran. Manakala cuaca cerah biasanya berlaku di kawasan barat Sarawak dan barat laut Semenanjung Malaysia.

Berdasarkan analisa fenomena global semasa iaitu *El Nino - Southern Oscillation* (ENSO) keadaan neutral pada ketika ini dijangka berlaku sehingga pertengahan tahun ini. Walau bagaimanapun, terdapat 70% kebarangkalian bahawa El Nino akan mula terbentuk antara Jun dan Ogos yang dijangka berterusan sehingga musim bunga 2015 di Hemisfera Utara.

2. Statistik Hujan Bulanan dan Jumlah Hujan Kebelakangan Ini

Jumlah hujan bulanan untuk tempoh 6 bulan kebelakang dari Oktober 2013 hingga Mac 2014 yang dicatatkan di stesen-stesen meteorologi utama di seluruh negara adalah seperti di tunjukkan dalam **Rajah 1(a)** dan **1(b)**. Jumlah hujan bulanan bagi Oktober hingga Disember 2013 diwakili oleh turus hijau dan jumlah hujan bulanan bagi Januari hingga Mac 2014 diwakili oleh turus berwarna biru manakala garis lengkung berwarna merah pula mewakili purata jangka panjang hujan bulanan.

Pada bulan Januari 2014, keadaan cuaca kering telah mula dialami di mana jumlah hari tanpa hujan meningkat selepas pertengahan Januari 2014. Keadaan ini menyebabkan Selatan dan Utara Semenanjung menerima taburan hujan melebihi 60% kurang dari paras purata atau normal, manakala kawasan-kawasan lain menerima taburan hujan pada paras purata.

Sarawak juga turut mengalami keadaan kering di mana Bahagian Kuching, Samarahan dan Sri Aman telah menerima taburan hujan antara 20% hingga 60% di bawah paras purata manakala bahagian-bahagian lain menerima taburan hujan pada paras purata. Sebaliknya, Sabah mengalami keadaan yang lembap, terutamanya di Bahagian Pantai Barat dan Sandakan termasuk Wilayah Persekutuan Labuan yang telah menerima taburan hujan melebihi 60% lebih dari paras purata. Manakala bahagian-bahagian lain mencatatkan taburan hujan pada paras purata pada bulan Januari 2014.


Pada bulan Februari 2014, di Semenanjung keadaan kering dan panas yang dialami telah berterusan hampir di semua kawasan sepanjang bulan tersebut. Terdapat juga beberapa stesen utama yang telah mencatatkan tiada hujan sepanjang bulan tersebut. Bilangan hari tanpa hujan berturutan juga telah merekodkan bilangan terpanjang bagi beberapa stesen. Taburan hujan bagi seluruh Semenanjung bagi bulan Februari 2014 adalah melebihi 60% kurang dari paras purata.

Keadaan yang sama juga berlaku di Sarawak, terutamanya di Bahagian Kuching, Samarahan dan Sri Aman menerima taburan hujan dengan pengurangan lebih 60% di bawah paras purata. Manakala bahagian-bahagian lain mencatatkan taburan hujan berkurangan antara 20% hingga 40% di bawah paras purata. Bagi Sabah pula terdapat kawasan yang agak lembap pada Februari 2014 iaitu di Bahagian Pantai Barat, Pedalaman, Kudat dan Sandakan telah menerima


taburan hujan melebihi 60% atas paras purata, manakala kawasan timur menerima taburan hujan pada paras purata.

Pada bulan Mac 2014, di Semenanjung, masih terdapat beberapa kawasan yang menerima taburan hujan kurang, melebihi 60% di bawah paras purata terutamanya di Perlis, Utara Kedah, Tengah Perak, Melaka, Timur Kelantan, Terengganu dan Tengah Pahang. Manakala kebanyakan kawasan di Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Selatan Johor dan Pedalaman Pahang menerima taburan hujan kurang antara 20% hingga 60% dari paras purata. Manakala kawasan-kawasan lain, menerima taburan hujan pada paras purata.

Di Sarawak pula, seluruh kawasan telah mengalami keadaan cuaca kering kecuali di Bahagian Kapit yang mengalami keadaan cuaca yang biasa. Bahagian Samarahan dan Bahagian Bintulu telah menerima taburan kurang melebihi 60% di bawah paras purata. Manakala Bahagian Kuching, Sri Aman, Sarikei, Mukah, Sibul, Miri dan Limbang menerima taburan hujan kurang antara 20% hingga 60% di bawah paras purata dan di Bahagian Kapit telah menerima taburan hujan pada paras purata. Begitu juga di Sabah, hampir keseluruhan kawasan mengalami keadaan kering. Di mana Bahagian Pantai Barat, Pedalaman dan Sandakan telah menerima taburan hujan yang kurang melebihi 60% di bawah paras purata pada bulan Mac 2014. Manakala Bahagian Kudat dan Sandakan menerima taburan hujan antara 20% hingga 60% di bawah paras purata.



Rajah 1(a): Min Bulanan dan Jumlah Hujan Bulanan (mm) bagi Semenanjung




Rajah 1(b): Min Bulanan dan Jumlah Hujan Bulanan (mm) bagi Sabah dan Sarawak

3. Keadaan Suhu Permukaan Laut Terkini dan Tinjauan bagi Tempoh Mei – September 2014


Suhu permukaan laut SPL terkini menunjukkan keadaan ENSO neutral masih lagi berlaku, namun SPL sedikit di atas purata mulai terbentuk di timur Khatulistiwa Pasifik berdekatan dengan Garis Tarikh Antarabangsa. Walaupun secara kolektifnya keadaan atmosfera dan lautan menunjukkan keadaan neutral ENSO, namun ia juga menunjukkan ciri-ciri yang jelas ke keadaan El Niño. Jangkaan pembentukan El Niño ini berlaku pada musim panas atau musim luruh 2014 bagi Hemisfera Utara.

Analisis purata SPL bulanan (°C) dan perbezaannya dari klimatologi (°C) bagi bulan April 2014 adalah seperti dalam **Rajah 2(a)** dan **2(b)**. (Sumber: *Climate Prediction Centre, National Centers for Environmental Prediction, NOAA/National Weather Service, USA*). **Rajah 2(a)**

menunjukkan corak keadaan SPL yang lazimnya berlaku di tropika Lautan Pasifik. Keadaan SPL yang lebih panas iaitu di atas 27°C adalah dominan hampir keseluruhan kawasan tropika Lautan Pasifik. Manakala, **Rajah 2(b)** menunjukkan bahawa keadaan SPL di sepanjang kawasan tropika Lautan Pasifik adalah di atas normal dengan kawasan yang lebih panas tertumpu di kawasan timur tropika Lautan Pasifik (SPL berjutat di antara 0.5°C hingga 1.5°C di atas normal).



Rajah 2(a): SPL (°C) Bulanan April 2014



Rajah 2(b): Anomali SPL (°C) Bulanan April 2014

4. Tinjauan Cuaca bagi Tempoh Monsun Barat Daya

Berdasarkan kepada kebanyakan model ramalan cuaca bermusim, dijangkakan bagi tempoh ramalan Mei hingga September 2014 menerima jumlah hujan pada paras purata bagi seluruh Negara, kecuali pada Jun 2014 dijangkakan menerima hujan sedikit di bawah paras purata bagi semua kawasan. Manakala pada bulan Julai dan September 2014 dijangkakan menerima hujan sedikit dibawah paras purata di semua bahagian kecuali Bahagian Limbang dan Miri.

Pada bulan Mei 2014, di Semenanjung dijangkakan seluruh kawasan menerima taburan hujan pada paras purata pada dengan jumlah hujan antara 100 mm hingga 200 mm. Dan bagi Sabah dan Sarawak pula, dijangkakan semua kawasan menerima taburan hujan pada paras purata dengan jumlah hujan antara 100 mm hingga 350 mm.

Pada bulan Jun 2014 dijangkakan kebanyakan tempat di Semenanjung menerima taburan hujan sedikit di bawah paras purata dengan jumlah hujan antara 50 mm hingga 150 mm. Begitu juga di Sabah dan Sarawak dijangkakan menerima taburan hujan sedikit di bawah paras purata dengan jumlah hujan antara 100 mm hingga 200 mm bagi seluruh kawasan

Jangkaan bagi bulan Julai 2014 pula, seluruh Semenanjung masih dijangkakan menerima taburan hujan pada paras purata dengan jumlah hujan antara 100 mm hingga 150 mm. Keadaan yang sama juga dijangkakan di Sabah, di mana jangkaan hujan adalah pada paras purata dengan jumlah hujan antara 200 mm hingga 250 mm. Sebaliknya di Sarawak dijangkakan keadaan sedikit kering di semua bahagian kecuali Bahagian Miri dan Limbang dengan jangkaan hujan 20% di bawah purata dan jumlah hujan antara 100 mm hingga 300 mm. Bahagian Miri dan Limbang dijangka menerima jumlah hujan pada paras purata.

Pada bulan Ogos 2014 pula, jangkaan hujan adalah pada paras purata bagi seluruh Negara dengan jumlah hujan antara 50 mm hingga 150 mm bagi Semenanjung. Manakala di Sabah dijangka menerima taburan hujan 20% hingga 40% di bawah paras purata dengan anggaran jumlah hujan antara 50 mm hingga 200 mm. Begitu juga di Sarawak dijangkakan menerima taburan hujan di bawah paras purata dan anggaran jumlah hujan antara 100 mm hingga 200 mm.


Jangkaan bulan September 2014, di Semenanjung masih dijangkakan menerima hujan pada paras purata dengan jumlah hujan antara 100 mm hingga 250 mm. Manakala, di Sabah

dijangkakan menerima taburan hujan sedikit di bawah paras purata dengan jumlah hujan antara 50 mm hingga 250 mm. Begitu juga di Sarawak semua bahagian dijangkakan menerima taburan hujan sedikit di bawah purata dengan jumlah hujan antara 150 mm hingga 250 mm.


Rajah 3(a), 4(a), 5(a), 6(a) dan 7(a) masing-masing menunjukkan jangkaan hujan bulanan bagi Mei 2014 hingga September 2014. **Rajah 3(b), 4(b), 5(b), 6(b) dan 7(b)** pula menunjukkan jangkaan peratusan anomali hujan bulanan bagi Mei 2014 hingga September 2014.

Jadual 1 dan Jadual 2 masing-masing menunjukkan ringkasan dan keterangan terperinci tinjauan cuaca mengikut negeri-negeri di Malaysia bagi tempoh Mei hingga September 2014. **Lampiran 1 dan Lampiran 2** masing-masing menunjukkan maklumat terperinci statistik hujan bulanan terkini yang terdiri daripada min jangka panjang, hujan bulanan yang tertinggi dan terendah, sisihan piawai dan min bilangan hari hujan untuk bulan Mei hingga September bagi Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

Jangkaan Hujan Bulanan dan Peratusan Anomali Hujan Pada Bulan Mei 2014




Rajah 3(a): Jangkaan Hujan Bulanan Bagi Mei 2014




Rajah 3(b): Jangkaan Peratusan Anomali Hujan Bagi Mei 2014

Jangkaan Hujan Bulanan dan Peratusan Anomali Hujan Pada Bulan Jun 2014




Rajah 4(a): Jangkaan Hujan Bulanan Bagi Jun 2014




Rajah 4(b): Jangkaan Peratusan Anomali Hujan Bagi Jun 2014

Jangkaan Hujan Bulanan dan Peratusan Anomali Hujan Pada Bulan Julai 2014




Rajah 5(a): Jangkaan Hujan Bulanan Bagi Julai 2014




Rajah 5(b): Jangkaan Peratusan Anomali Hujan Bagi Julai 2014

Jangkaan Hujan Bulanan dan Peratusan Anomali Hujan Pada Bulan Ogos 2014




Rajah 6(a): Jangkaan Hujan Bulanan Bagi Ogos 2014




Rajah 6(b): Jangkaan Peratusan Anomali Hujan Bagi Ogos 2014

Jangkaan Hujan Bulanan dan Peratusan Anomali Hujan Pada Bulan September 2014



Rajah 7(a): Jangkaan Hujan Bulanan Bagi September 2014



Rajah 7(b): Jangkaan Peratusan Anomali Hujan Bagi September 2014

Jadual 1: Ringkasan Tinjauan Cuaca dari Mei 2014 Hingga September 2014

Negeri		Jangkaan Jumlah Hujan Bulanan (mm)	Tempoh	Tinjauan Cuaca (Berkaitan dengan Hujan)
Perlis		130 – 190	Mei	Paras Purata
		75 – 100	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		140 – 220	Julai	Paras Purata
		150 – 230	Ogos	Paras Purata
		170 - 260	September	Paras Purata
Kedah	Tanah Besar	170 – 260	Mei	Paras Purata
		100 – 130	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		150 – 240	Julai	Paras Purata
		160 – 250	Ogos	Paras Purata
		210 – 330	September	Paras Purata
	Langkawi	170 – 250	Mei	Paras Purata
		150 – 200	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		220 – 330	Julai	Paras Purata
		270 – 410	Ogos	Paras Purata
		280 – 420	September	Paras Purata
Pulau Pinang		160 – 280	Mei	Paras Purata
		100 – 140	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		140 – 240	Julai	Paras Purata
		170 – 300	Ogos	Paras Purata
		240 – 400	September	Paras Purata
Perak		90 – 260	Mei	Paras Purata
		60 – 150	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		80 – 200	Julai	Paras Purata
		90 – 200	Ogos	Paras Purata
		130 – 250	September	Paras Purata
Selangor		90 – 290	Mei	Paras Purata
		90 – 160	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata

		100 – 190 120 – 200 150 – 260	Julai Ogos September	Paras Purata Paras Purata Paras Purata
Wilayah Persekutuan	Putrajaya	90 – 130	Mei	Paras Purata
		70 – 100	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		140 – 210	Julai	Paras Purata
		120 – 180	Ogos	Paras Purata
		140 - 220	September	Paras Purata
	Kuala Lumpur	160 – 290	Mei	Paras Purata
		80 – 120	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
		110 – 180	Julai	Paras Purata
		150 – 230	Ogos	Paras Purata
		170 – 290	September	Paras Purata
	Labuan	240 – 350	Mei	Paras Purata
		180 – 240	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata
240 – 350		Julai	Paras Purata	
240 – 360		Ogos	Paras Purata	
280 – 430		September	Paras Purata	
Negeri Sembilan	90 – 200	Mei	Paras Purata	
	70 – 120	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata	
	130 – 200	Julai	Paras Purata	
	120 – 180	Ogos	Paras Purata	
	110 – 240	September	Paras Purata	
Melaka	140 – 200	Mei	Paras Purata	
	80 – 130	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata	
	140 – 220	Julai	Paras Purata	
	150 – 230	Ogos	Paras Purata	
	150 – 230	September	Paras Purata	
Kelantan	Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli, Gua	120 – 180	Mei	Paras Purata
		100 – 150	Jun	Sedikit Bawah Paras Purata

	Musang, Kuala Krai	120 – 190 150 – 230 190 – 280	Julai Ogos September	Paras Purata Paras Purata Paras Purata
	Tumpat, Bachok, Kota Bharu, Pasir Puteh, Machang	90 – 200 70 – 100 120 – 190 120 – 190 140 – 220	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
Terengganu		90 – 140 60 – 100 90 – 140 100 – 170 130 – 200	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
Pahang	Kuantan, Pekan, Rompin	110 – 230 90 – 130 120 – 190 150 – 220 170 – 260	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
	Lipis, Jerantut, Raub, Maran, Temerloh	140 – 210 80 – 100 90 – 170 110 – 190 130 – 230	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
	Tanah Tinggi Cameron	220 – 330 100 – 150 150 – 220 180 – 280 220 – 330	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
Johor	Mersing, Kota Tinggi	110 – 170 100 – 120	Mei Jun	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata

		130 – 200 130 – 200 130 – 200	Julai Ogos September	Paras Purata Paras Purata Paras Purata
	Kluang, Batu Pahat, Segamat, Muar, Ledang	130 – 210 80 – 110 110 – 170 110 – 200 120 – 190	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
	Pontian, Johor Bahru, Nusajaya	170 – 250 100 – 130 150 – 230 150 – 220 160 – 240	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Paras Purata Paras Purata
Sarawak	Kuching Samarahan	200 – 300 130 – 170 120 – 160 150 – 180 160 – 210	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Sri Aman Betong	190 – 290 120 – 160 120 – 160 150 – 180 250 – 380	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Mukah Sarikei Sibul	190 – 280 120 – 160 110 – 150 140 – 170 150 – 210	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Kapit Bintulu	190 – 280 180 – 210	Mei Jun	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata

		150 – 210 170 – 230 190 – 250	Julai Ogos September	Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Miri Limbang	160 – 230 120 – 180 160 – 240 150 – 180 150 – 200	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
Sabah	Pedalaman Pantai Barat	170 – 260 180 – 240 220 – 330 170 – 210 180 – 240	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Kudat	90 – 130 80 – 100 90 – 140 80 – 100 90 – 110	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Sandakan	110 – 170 110 – 150 160 – 240 140 – 170 170 – 200	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata
	Tawau	120 – 180 100 – 140 160 – 240 150 – 170 110 – 130	Mei Jun Julai Ogos September	Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata Sedikit Bawah Paras Purata

Jadual 2: Keterangan Terperinci Tinjauan Cuaca dari Mei 2014 hingga September 2014

Negeri	Tinjauan Cuaca
Perlis	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 130 – 190 mm pada bulan Mei, 75 – 100 mm pada Jun, 140 – 220 mm pada Julai, 150 – 230 mm pada Ogos dan 170 – 260 mm
Kedah	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 di kawasan tanah besar termasuk Pulau Langkawi. Di kawasan tanah besar dijangkakan jumlah hujan bulanan di antara 170 – 260 mm pada Mei, 100 – 130 mm pada Jun, 150 – 240 mm pada Julai, 160 – 250 mm pada Ogos dan 210 – 330 mm pada September. Di Pulau Langkawi dijangkakan jumlah hujan bulanan di antara 170 – 250 mm pada Mei, 150 – 200 mm pada Jun, 220 – 330 mm pada Julai, 270 – 410 mm pada Ogos dan 280 – 420 mm pada September.
Pulau Pinang	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 160 – 280 mm pada Mei, 100 – 140 mm pada Jun, 140 – 240 mm pada Julai, 170 – 300 mm pada Ogos dan 240 – 400 mm pada September.
Perak	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 90 – 260 mm pada Mei, 60 – 150 mm pada Jun, 80 – 200 mm pada Julai, 90 – 200 mm pada Ogos dan 130 – 250 mm pada
Selangor	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 90 – 290 mm pada Mei, 90 – 160 mm pada Jun, 100 – 190 mm pada Julai, 120 – 200 mm pada Ogos dan 150 – 260 mm pada
Putrajaya	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 90 – 130 mm pada Mei, 70 – 100 mm pada Jun, 140 – 210 mm pada Julai, 120 – 180 mm pada Ogos dan 140 – 220 mm pada September.
Kuala Lumpur	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 160 – 290 pada Mei, 80 – 120 mm pada Jun, 110 – 180 mm pada Julai, 150 – 230 mm pada Ogos dan 170 – 290 mm pada September.
Negeri Sembilan	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 90 – 200 mm pada Mei, 70 – 120 mm pada Jun, 130 – 200 mm pada Julai, 120 – 180 mm pada Ogos dan 110 – 240 mm pada

Melaka	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 140 – 200 mm pada Mei, 80 – 130 mm pada Jun, 140 – 220 mm pada Julai, 150 – 230 mm pada Ogos dan 150 – 230 mm pada
Kelantan	<p>Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 di kawasan Pasir Mas, Tanah Merah, Jeli, Gua Musang dan Kuala Krai dengan jumlah hujan bulanan di antara 120 – 180 mm pada Mei, 100 - 150 mm pada Jun, 120 – 190 mm pada Julai, 150 – 230 pada Ogos dan 190 – 280 mm pada September.</p> <p>Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 di kawasan Tumpat, Bachok, Kota Bharu, Pasir Puteh dan Machang dengan jumlah hujan bulanan di antara 90 – 200 mm pada Mei, 70 – 100 mm pada Jun, 120 – 190 mm pada Julai dan Ogos, manakala 140 – 220 mm pada September.</p>
Terengganu	Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 dengan jumlah hujan bulanan di antara 90 – 140 mm pada Mei, 60 – 100 mm pada Jun, 90 – 140 mm pada Julai, 100 – 170 mm pada Ogos dan 130 – 200 mm pada September.
Pahang	<p>Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 di kebanyakan kawasan di Pahang termasuk kawasan tanah tinggi.</p> <p>Di kawasan Kuantan, Pekan dan Rompin dijangkakan menerima jumlah hujan bulanan di antara 110 – 230 mm pada Mei, 90 – 130 mm pada Jun, 120 – 190 mm pada Julai, 150 – 220 mm pada Ogos dan 170 – 260 mm pada September.</p> <p>Di kawasan Lipis, Jerantut, Raub, Maran dan Temerloh dijangkakan menerima jumlah hujan bulanan di antara 140 – 210 mm pada Mei, 80 – 100 mm pada Jun, 90 – 170 mm pada Julai, 110 – 190 mm pada Ogos dan 130 – 230 mm pada September.</p> <p>Tanah Tinggi Cameron dijangkakan menerima jumlah hujan bulanan di antara 220 – 230 mm pada Mei, 100 – 150 mm pada Jun, 150 – 220 mm pada Julai, 180 – 280 mm pada Ogos dan 220 – 330 mm pada September.</p>

<p>Johor</p>	<p>Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 dan pada paras purata pada Mei, Julai hingga September 2014 di kebanyakan kawasan di Johor.</p> <p>Di Mersing dan Kota Tinggi jumlah hujan bulanan dijangka di antara 110 – 170 mm pada Mei, 100 – 120 mm pada Jun, 130 – 200 mm pada Julai hingga September.</p> <p>Di Kluang, Batu Pahat, Segamat, Muar dan Ledang jumlah hujan bulanan dijangka di antara 130 – 210 mm pada Mei, 80 – 110 mm pada Jun, 110 – 170 mm pada Julai, 110 – 200 mm pada Ogos dan 120 – 190 mm pada September.</p> <p>Di Pontian, Johor Bharu dan Nusajaya jumlah hujan bulanan dijangka di antara 170 – 250 mm pada Mei, 100 – 130 mm pada Jun, 150 – 230 mm pada Julai, 150 – 220 mm pada Ogos dan 160 – 240 mm pada September.</p>
<p>Sarawak</p>	<p>Hujan pada paras purata dijangka pada Mei 2014 manakala pada Jun hingga September 2014 dijangka sedikit bawah purata bagi semua kawasan, manakala pada bulan Julai 2014 dijangkakan semua bahagian di Sarawak kecuali di Bahagian Limbang dan Miri menerima jumlah hujan antara 20% hingga 40% di bawah paras purata.</p> <p>Di Bahagian Kuching dan Samarahan jumlah hujan bulanan dijangka di antara 200 – 300 mm pada Mei, 130 – 170 mm pada Jun, 120 – 160 mm pada Julai, 150 – 180 mm pada Ogos dan 160 – 210 mm pada September.</p> <p>Di Bahagian Sri Aman dan Betong jumlah hujan bulanan dijangka di antara 190 – 290 mm pada Mei, 120 – 160 mm pada Jun dan Julai, 150 – 180 mm pada Ogos dan 250 – 380 mm pada September.</p> <p>Di Bahagian Mukah, Sarikei dan Sibu jumlah hujan bulanan dijangka di antara 190 – 280 mm pada Mei, 120 – 160 mm pada Jun, 110 – 260 mm pada Julai, 140 – 170 mm pada Ogos dan 150 – 210 mm pada September.</p> <p>Di Bahagian Kapit dan Bintulu jumlah hujan bulanan dijangka di antara 190 – 280 mm pada Mei, 180 – 210 mm pada Jun, 150 – 210 mm pada Julai, 170 – 230 mm pada Ogos dan 190 – 250 mm pada September.</p> <p>Di Bahagian Miri dan Limbang jumlah hujan bulanan dijangka di antara 160 – 230 mm pada Mei, 120 – 180 mm pada Jun, 160 – 240 mm pada Julai, 150 – 180 mm pada Ogos dan 150 – 200 mm pada September.</p>
<p>Sabah</p>	<p>Hujan sedikit bawah paras purata dijangka pada Jun 2014 hingga September 2014 kecuali pada bulan Mei dijangkakan pada paras purata.</p> <p>Di Wilayah Persekutuan Labuan jumlah hujan bulanan dijangka di antara 240 – 350 mm pada Mei, 180 – 240 mm pada Jun, 240 – 350 mm pada Julai, 240 – 360 mm pada Ogos dan 280 – 430 mm pada September.</p> <p>Di bahagian Pedalaman dan Pantai Barat jumlah hujan bulanan dijangka di antara 170 – 260 mm pada Mei, 180 – 240 mm pada Jun, 220 – 330 mm pada Julai, 170 – 210 mm pada Ogos dan 180 – 240 mm pada September.</p> <p>Di bahagian Kudat jumlah hujan bulanan dijangka di antara 90 – 130 mm pada Mei, 80 – 100 mm pada Jun, 90 – 140 mm pada Julai, 80 – 100 mm pada Ogos dan 90 – 110 mm pada September.</p> <p>Di bahagian Sandakan jumlah hujan bulanan dijangka di antara 110 – 170 mm pada Mei, 110 – 150 mm pada Jun, 160 – 240 mm pada Julai, 140 –</p>

170 mm pada Ogos dan 170 – 200 mm pada September. Di bahagian Tawau jumlah hujan bulanan dijangka di antara 120 – 180 mm pada Mei, 100 – 140 mm pada Jun, 160 – 240 mm pada Julai, 150 – 170 mm pada Ogos dan 110 – 130 mm pada September.

Nota: Pengkelasan Jumlah Hujan Bulanan

- Atas Paras Purata : Peningkatan melebihi 40% daripada purata jumlah hujan jangka panjang.
- Sedikit Atas Paras Purata : Peningkatan sebanyak 20% hingga 40% daripada purata jumlah hujan jangka panjang.
- Paras Purata : Peningkatan atau pengurangan kurang daripada 20% daripada purata jumlah hujan jangka panjang.
- Sedikit Bawah Paras Purata : Pengurangan sebanyak 20% hingga 40% daripada purata jumlah hujan jangka panjang
- Bawah Paras Purata : Pengurangan melebihi 40% daripada purata jumlah hujan jangka panjang

Statistik Hujan Bulanan bagi Semenanjung

Stesen	Mei					Jun					Julai					Ogos					September				
	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan
	Purata	Tertinggi	Terendah			Purata	Tertinggi	Terendah			Purata	Tertinggi	Terendah			Purata	Tertinggi	Terendah			Purata	Tertinggi	Terendah		
Langkawi	210	372	86	74	17	244	545	51	110	17	276	593	104	109	19	353	871	131	170	18	354	729	147	140	20
Chuping	161	339	42	75	16	130	262	25	62	14	177	393	60	85	16	194	341	28	81	17	224	389	95	69	19
Alor Setar	211	440	54	91	17	166	388	53	78	15	196	512	67	91	16	211	468	43	84	17	275	634	104	108	20
Butterworth	193	399	40	87	16	174	376	14	85	13	178	473	31	85	13	242	568	37	124	16	289	491	99	106	19
Bayan Lepas	231	506	64	108	17	172	396	22	81	13	200	380	31	80	14	245	591	92	105	16	332	629	128	119	19
Ipoh	218	470	38	100	17	146	390	22	81	12	163	426	24	82	13	167	356	49	80	15	206	482	54	83	18
C.Highlands	269	554	109	87	21	180	301	30	71	16	188	390	50	76	17	238	479	56	110	20	273	445	141	88	23
Sitiawan	122	268	27	60	13	81	254	10	48	9	103	254	1	55	11	120	393	9	72	12	167	311	31	63	16
Lubuk Merbau	114	280	45	58	15	118	246	45	58	14	125	231	19	55	14	138	283	23	70	16	169	305	53	64	18
Subang	196	508	46	113	16	130	281	9	66	12	138	382	29	66	13	158	349	37	76	14	201	497	59	85	16
Petaling Jaya	244	566	67	132	16	143	334	9	88	12	158	386	21	82	13	167	454	17	100	14	215	410	53	87	17
KLIA	105	189	28	55	13	101	217	4	68	11	164	258	78	45	14	145	250	31	57	14	185	276	67	61	15
Melaka	169	427	25	77	15	159	467	27	87	13	183	472	50	82	15	189	491	64	79	16	194	407	69	77	16
Batu Pahat	163	335	50	77	15	130	274	18	75	13	147	329	28	67	13	164	321	60	70	15	156	334	18	76	15
Kluang	180	381	51	76	17	134	342	24	62	14	140	267	51	62	15	143	338	36	78	16	156	351	43	71	16
Senai	213	388	66	86	18	156	324	51	64	15	185	331	17	71	16	197	356	26	89	16	209	407	41	82	18
Kota Bharu	115	283	5	60	11	125	295	28	63	11	155	346	45	73	13	162	347	47	70	15	182	405	58	80	16
K.Krai	153	351	30	77	15	161	311	16	80	13	158	276	52	61	14	187	347	70	70	17	235	398	91	85	18
Gong Kedak	195	263	134	47	15	168	239	104	55	12	190	285	105	64	15	212	317	162	52	16	256	413	157	85	17
K.Terengganu	114	319	11	68	10	112	222	41	56	11	118	312	19	65	11	128	385	12	71	13	173	297	55	59	15
Temerloh	183	437	74	89	14	123	325	19	78	10	115	295	23	62	12	154	451	6	100	13	171	303	10	74	15
Kuantan	192	390	28	83	15	160	380	50	75	12	157	404	13	77	13	188	367	59	80	15	219	413	13	81	16
Batu Embun	178	367	51	73	15	140	308	55	74	12	148	382	16	79	12	156	317	42	77	14	187	348	74	78	16
Muadzam Shah	141	271	52	55	13	122	237	39	50	11	136	263	15	67	13	143	329	45	71	14	156	315	16	76	15
Mersing	140	316	48	57	14	141	287	22	56	14	167	380	69	59	15	169	323	80	54	16	171	340	3	73	15

Statistik Hujan Bulanan bagi Sarawak dan Sabah

Stesen	Mei					Jun					Julai					Ogos					September				
	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan	Hujan Bulanan (mm)			Sisihan Piawai	Purata Bil. Hari Hujan					
	Purata	Tertinggi	Terendah			Min	Tertinggi	Terendah			Min	Tertinggi	Terendah			Min	Tertinggi	Terendah			Min	Tertinggi	Terendah		
Kuching	253	432	87	75	19	214	542	100	78	17	201	446	27	87	16	227	547	22	97	17	266	451	95	91	19
Sri Aman	237	437	83	94	18	198	361	101	70	15	198	372	56	88	14	233	734	43	140	14	279	495	52	113	17
Sibu	232	487	50	86	18	192	381	34	81	15	182	406	24	90	15	214	622	44	109	17	257	510	85	97	18
Bintulu	232	473	60	102	16	257	612	75	110	15	254	613	26	117	16	287	679	55	139	17	308	800	101	133	18
Miri	196	377	27	87	15	228	649	62	113	14	199	563	11	99	14	218	601	21	108	14	255	515	59	117	17
Limbang	258	475	150	115	19	225	388	53	111	19	262	494	47	156	19	250	504	116	130	17	241	417	84	106	19
Labuan	296	590	77	125	17	297	636	112	118	16	293	679	81	141	16	300	683	22	157	16	357	968	23	180	19
Kota Kinabalu	221	492	30	100	16	299	688	57	150	16	279	717	46	134	17	265	623	67	122	17	305	659	95	111	18
Kudat	110	337	9	79	10	122	242	14	61	13	122	295	12	63	13	126	268	26	63	13	133	291	15	60	14
Sandakan	138	366	15	76	12	185	437	37	75	14	198	564	55	99	14	225	487	80	92	15	247	1057	32	139	16
Tawau	148	491	7	80	13	170	399	0	74	14	202	495	55	98	15	206	429	53	87	14	154	475	7	82	12



JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA
SENARAI ALAMAT DAN NOMBOR TELEFON



IBU PEJABAT

DATO' CHE GAYAH ISMAIL
Ketua Pengarah
Tel: 03-79678001
e-mel: cgayah@met.gov.my

EN. ALUI BAHARI
Timb. Ketua Pengarah
(Cuaca dan Iklim)
Tel: 03-79678003
e-mel: alui@met.gov.my

DR. ROSAIDI CHE ABAS
Timb. Ketua Pengarah
(Strategik dan Teknikal)
Tel: 03-79678002
e-mel: rosaidi@met.gov.my

EN. ZAHARI ABDULLAH
Pengarah Pusat Cuaca Nasional
Tel: 03-79678118
e-mel: helmi@met.gov.my

Laman web: <http://www.met.gov.my>

**Pegawai Meteorologi bertugas boleh dihubungi
melalui:**

Tel: 03-79678116

Faks: 03-79578052 atau 03-79588221

PEJABAT-PEJABAT NEGERI

Kang Thean Sheong
Pengarah
Pusat Meteorologi Penerbangan
Nasional
Tkt. 1, Pusat Pentadbiran Lapangan
Terbang
64000 Sepang, Selangor D.E.
Tel: 03-87872360
Faks: 03-87871019

Pengarah
Pejabat Meteorologi Selangor
LT Sultan Abdul Aziz Shah
47200 Subang, Selangor D.E.
Tel: 03-78463951
Fax: 03-78464982
e-mel: pghsubang@met.gov.my

En. Zabani Md Zuki
Pengarah
Pejabat Meteorologi Pulau Pinang
LT Bayan Lepas
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang
Tel: 04-6438301
Faks: 04-6446804
e-mel: pghblepas@met.gov.my

Pengarah
Pejabat Meteorologi Butterworth
Pengkalan Udara TUDM
13050 Butterworth, P.Pinang
Tel: 04-3314633
Faks: 04-3319897
e-mel: pghbworth@met.gov.my

En. Abd Malik Tussin
Pengarah
Jabatan Meteorologi Sabah
Tkt. 7, Wisma Dang Bandang
88000 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-256054
Faks: 088-211019
e-mel: pghkkinabalu@met.gov.my

En. Loh Eng Kee
Pengarah
Pejabat Meteorologi Sarawak
Lot 319, Jalan Lapangan Terbang
Lama
93667 Kuching, Sarawak
Tel: 082-617761
Faks: 082-617756
e-mel: pghkuching@met.gov.my

En. Azemi Daud
Pengarah
Pejabat Meteorologi Pahang
Batu 9, Jalan Gambang
25150 Kuantan, Pahang
Tel: 09-5381216
Faks: 09-5381273
e-mel: pghkuantan@met.gov.my

En. Jenuwa Husin
Pengarah
Pejabat Meteorologi Terengganu
Pengkalan Udara TUDM
Gong Kedak
22000 Jerteh, Terengganu
Tel: 09-6902462
Faks: 09-6902461
e-mel: pghgkedak@met.gov.my